

30/10/2003

Perhimpunan khas hormai jasa PM

Syuhada Choo Abdullah

PELAJAR menyertai rakyat di seluruh negara melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara mulai esok dengan mengadakan perhimpunan khas serentak di semua sekolah, pagi ini.

Perhimpunan itu dipenuhi dengan pelbagai acara termasuk ucapan khas oleh pengetua/guru besar/guru/pelajar sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri, doa, bacaan sajak, nyanyian lagu patriotik serta penceritaan berkaitan dengan sejarah, pemikiran dan sumbangan pemimpin ulung negara itu.

Bukan itu saja, pihak sekolah bersama pelajar serta ibu bapa/persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) juga digalakkan menggembleng tenaga menghasilkan sependuk, kad ucapan atau seumpamanya bersesuaian bagi menyatakan perasaan terima kasih kepada Perdana Menteri.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata program khas sehari sebelum hari terakhir perkhidmatan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri itu bertujuan menggambarkan perpaduan dan sokongan padu serta penghargaan tinggi di samping rasa syukur dan terima kasih seluruh warga pendidikan.

"Dr Mahathir memberikan sumbangan amat besar kepada negara, khususnya terhadap alam pendidikan. Beliau banyak menabur bakti dalam meningkatkan martabat pendidikan negara, bukan saja ketika menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri tetapi juga sewaktu memegang jawatan Menteri Pendidikan.

"Sesungguhnya, seluruh warga pendidikan sangat terhutang budi dan berasa bangga dipimpin oleh seorang pemimpin yang begitu mengambil berat terhadap pendidikan dan meletakkannya sebagai agenda penting dalam pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam surat pekeliling bertajuk Aktiviti Khas Sebagai Tanda Penghargaan dan Terima Kasih Warga Kementerian Pendidikan Sempena Persaraan YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bertarikh 9 Oktober lalu.

Surat pekeliling itu diedarkan kepada semua pengarah jabatan pendidikan negeri (JPN), maktab perguruan, politeknik dan kolej matrikulasi, di samping salinan kepada kepimpinan peringkat atasan, termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Sehubungan itu, Abdul Rafie berkata, kementerian meminta pihak terbabit mengadakan perhimpunan khas berkenaan di institusi/sekolah di bawah pentadbiran masing-masing dengan membabitkan seluruh warga institusi/sekolah dan juga persatuan ibu bapa dan guru (PIBG)/ibu bapa

serta pelajar.